

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
AJARAN ILMU LADUNI (AHMAD BIN SIRAJ)**

1. TAJUK PERSOALAN

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' dikemukakan dengan persoalan tentang ajaran Ilmu Laduni pimpinan Ahmad bin Siraj. Oleh itu, pihak Jawatankuasa diminta untuk memberikan respon dan keputusan yang sewajarnya terhadap ajaran ini.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Ajaran ini muncul pada tahun 1987 dan mula berkembang dalam masyarakat pada tahun 1996 yang diasaskan oleh Ahmad bin Sirajberalamat di Batu 7 ½, Jalan Kebun, Klang. Kuantiti ahli dianggarkan 1000 orang di seluruh Malaysia, manakala di Selangor pula dianggarkan hampir 300 orang yang melibatkan beberapa orang guru sekolah agama.

2.2 Mereka telah menubuhkan sebuah persatuan yang dinamakan Persatuan Dakwatul Iman pada 23 Disember 1993. Kelas pengajian kumpulan ini diadakan 2 kali seminggu di rumah guru pada tiap-tiap malam Jumaat dan Ahad. Tujuannya untuk perbincangan bagi menghayati al-Quran dan Hadis.

2.3 Latar belakang guru :

Beliau berasal dari Sungai Nibong, Batu Pahat, Johor dan kini menetap di Batu 7 ½ , Jalan Kebun Klang. Beliau berumur 54 tahun dan telah beristeri serta mempunyai 8 orang anak. Beliau bekerja sebagai mekanik di Kontena Nasional, Pelabuhan Klang. Tahap pendidikan beliau hanya sekolah rendah sahaja. Nama gelaran beliau ialah Bang Mat.

3. CIRI-CIRI AJARAN

- 3.1 Mula mendapat ajaran ini melalui suara bisikan yang menyuruh berbuat baik (sembahyang) tetapi suara tersebut tidak diendahkan dan suara itu terus datang lagi. Oleh kerana beliau tidak tahu sembahyang maka suara itu datang lagi dan mengajar cara bersuci, sembahyang, dimulai dengan sembahyang Asar dan diikuti dengan sembahyang lain.
- 3.2 Beliau menganggap suara yang datang itu adalah hidayah atau ilham.
- 3.3 Pengikut yang taat dan patuh dengan guru juga boleh mendengar suara bisikan itu yang datang pada bila-bila masa sahaja.
- 3.4 Ajaran ini mendakwa:
 - a) Beliau tahu alam ghaib seperti syaitan, jin, alam barzakh, dan hal-hal yang akan berlaku pada masa akan datang
 - b) Beliau diperintahkan oleh suara supaya berdakwah kepada manusia, dan jin dan sekarang ahli yang paling ramai ialah golongan jin.
 - c) Beliau juga mendakwa dirinya sebagai bomoh tetapi cara mengubatnya tidak menurun hanya jampi air sahaja.
 - d) Beliau mendapat ilmu ini di Pulau Besar, Melaka.
 - e) Beliau mendakwa diri beliau tidak boleh dicaci dari belakang dan mereka yang berbuat demikian akan menjadi gila.
- 3.5 Keistimewaan / Kelebihan guru
 - a) Boleh mengubat penyakit
 - b) Berjumpa Nabi-nabi
 - c) Berjumpa Nenek Kebayan
 - d) Boleh melihat benda ghaib
 - e) Boleh melihat Alam Barzakh